



"API KEMARAHAN".1

<p>الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَائِلِ: الَّذِينَ يُنفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَاءِ وَالْكَاظِمِينَ الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللّٰهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ^{١٣٤}</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهٖ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللّٰهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللّٰهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللّٰهُ تَعَالَى: يٰأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُهُمْ حَقٌّ تُقَاتَهُ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian, Bersyukur kita kehadrat Allah Taala kerana dengan limpah kurnia-Nya maka kita dapat berkumpul pada hari penghulu segala hari ini. Dengan itu, mimbar menyeru kepada diri saya sendiri dan semua para jemaah agar meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Taala dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.</p>	5
<p>Mimbar Jumaat pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk "API KEMARAHAN".</p>	6
<p>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian, Dalam ayat 134 Surah ali Imran yang dibacakan pada awal khutbah tadi menjelaskan kepada kita bahawa sifat menahan marah dan sifat memaafkan kesalahan orang lain adalah kebaikan yang disukai oleh Allah SWT.</p>	7



Marah ialah salah satu sifat tercela yang perlu dijauhi oleh umat Islam. Hal sedemikian adalah kerana ia boleh membawa kesan negatif dalam kehidupan manusia. Imam al-Ghazali menyatakan, marah ini merupakan nyalaan api yang bersumberkan daripada api Allah SWT yang menjulang tinggi sehingga naik ke ulu hati. Orang yang dipengaruhi sifat marah mempunyai hubungan erat dengan syaitan kerana syaitan telah berjaya menarik urat sarafnya melalui tipu daya syaitan sehingga boleh menyebabkan wajah menjadi kemerahan, mata berapi-api kemerahan dan ada sebahagian orang boleh bertindak kasar terhadap apa yang ada di sekelilingnya.

8

Abu Hurairah RadiAllahu Anhu meriwayatkan bahawa seorang lelaki berkata kepada Nabi Muhammad SAW: Berilah wasiat kepadaku. Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَغْضِبْ

9

"Jangan marah ." Beliau mengulanginya beberapa kali.

(Riwayat Al-Bukhari).

Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati sekalian,

Sifat marah sangat besar kesannya dalam kehidupan kita. Bukan sahaja kepada orang yang dimarahi, Malah turut dirasai oleh si pemarah itu sendiri dan orang yang ada di sekelilingnya. Emosi orang dimarahi mungkin akan terganggu lebih-lebih lagi jika dimarahi secara membata tuli. Orang yang dimarahi juga akan menyimpan dendam selama tempoh tertentu. Malah lebih teruk lagi akan membawa kepada persengketaan, permusuhan dan putusnya persaudaraan Islamiah dan Wataniah.

10



<p>Orang yang memilih nyalaan kemarahan dalam percakapan, perbuatan dan tindakannya akan membuat keputusan secara melulu, berkemungkinan salah dan menzalimi dan menyakiti orang lain. Akibatnya, kemusnahan dan kerugian yang berlaku membakar persahabatan, institusi keluarga, institusi masyarakat dan keluhuran bernegara.</p> <p>Api kemarahan adalah tempat duduknya syaitan yang akan menyemarakkan tindakan dan kata-kata kesat dan kotor, maki-memaki, cerca-mencerca dan sumpah seranah. Malah lebih hina lagi, api kemarahan boleh merebak sehingga bertindak menyekutukan Allah SWT, melanggar ketetapan syarak dan mengundang persepsi buruk Islam sebagai agama tertinggi dan Islam sebagai cara hidup.</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	11
<p>Tegahan bersifat marah yang memusnahkan adalah mutlak. Bagaimanapun umat Islam dituntut untuk tegas dan marah menyatakan kebenaran dalam perkara hak dan menjadi tanggungjawabnya. Umat Islam itu dituntut untuk tegas dan berprinsip. Seorang ayah hendaklah tegas terhadap anaknya yang selalu culas dalam menunaikan ibadah solat mengikut cara yang ditetapkan oleh agama.</p> <p>Contohilah Rasulullah SAW yang menyalurkan ketegasannya sehingga baginda dilihat marah apabila perintah Allah SWT ditinggalkan dan larangan Allah SWT pula dilakukan dengan sewenangnya.</p>	12
<p>Rasulullah SAW bermusafir bersama serombongan orang. Terdapat seorang wanita Ansar dalam rombongan itu yang telah memaki-hamun dan memarahi untanya yang sangat malas. Rasulullah SAW mendengar kemarahan wanita itu. Lalu Baginda SAW menyuruh meninggalkan wanita Ansar itu di situ.</p> <p>Hadirin sidang Jumaat yang berbahagia,</p>	13



<p>Imam al-Ghazali rahimahullah dalam kitab <i>Ihya Ulumuddin</i> telah menyebutkan bahawa terdapat beberapa golongan manusia dalam menangani sifat marah. Antaranya golongan yang dinyatakan sebagai orang yang acuh tak acuh atau hilang kemarahannya sama sekali. Sikap golongan ini sangat tercela sekali. Orang seperti ini dianggap sebagai orang yang tidak ada sikap pembelaan dalam mempertahankan kelemahan dirinya, isterinya, keluarganya dan hak-hak dirinya terutama dalam urusan agama.</p>	14
<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Fath ayat 29:</p> <p style="text-align: center;">مُّحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ وَأَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ</p>	15
<p><i>"Nabi Muhammad SAW ialah Rasul Allah; dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam)."</i></p>	16
<p>Selain itu golongan yang melampau batas dalam sifat marah tanpa mengenal batas dan ketentuan sehingga terzahir kebodohan diri sendiri, keluar daripada tuntutan agama dan menjauhi ketaatan. Kalau golongan pertama sikapnya sangat tercela sekali manakala golongan kedua ini sangat berbahaya pula.</p>	17
<p>Justeru, apa yang baik ialah memilih marah yang selari dengan kehendak hukum dan agama, kena pada tempat dan dibenarkan syariat. Marah yang dimaksudkan ialah dalam urusan berkaitan kepentingan beragama dan perlu dalam tatacaranya, dikawal agar ianya tidak menjadi seperti api yang marak yang memusnahkan diri dan orang lain. Inilah sikap yang paling terpuji. Ketegasan dan marah hendaklah sentiasa dalam kerangka menjaga kepentingan agama dan maksud pensyariatan, adil, berhemah dan berhikmah.</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah,</p>	18



<p>Terdapat beberapa cara untuk kita menahan marah daripada meledak dalam diri. Antaranya ialah:</p> <p>1. Berwuduk. Sebagaimana hadis Nabi dalam Sunan Abi Daud, daripada A'thiah bin Urwah al-Saadi al-Sahabi RadhiAllahu Anhu telah berkata bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: <i>"Sesungguhnya sifat marah itu daripada syaitan, dan syaitan dijadikan daripada api, dan sesungguhnya dipadam api dengan air. Maka apabila seseorang itu berada dalam keadaan marah maka berwuduklah."</i> (Riwayat Abu Daud)</p>	19
<p>2. Mengucap ta'awwuz. Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 200 yang bermaksud: <i>"Dan kalau engkau diperdayakan syaitan dengan sesuatu tipu daya, berlindunglah kepada Allah! Sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui"</i>.</p>	20
<p>3. Mengubah posisi daripada berdiri kepada duduk. Jika belum reda kemarahan itu, maka daripada posisi duduk kepada berbaring. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: <i>"Apabila salah seorang daripada kamu marah dan dia dalam keadaan berdiri, maka hendaklah ia duduk. Jika rasa marahnya hilang (maka itu yang dikehendaki). Jika tidak maka hendaklah dia berbaring."</i> (Riwayat Abu Daud)</p>	21
<p>Oleh itu kemarahan perlu diurus dan dibuang dengan sering melakukan sifat-sifat mahmudah.</p> <p>Hadirin sekalian,</p>	22



Mengakhiri khutbah Jumaat kita pada hari ini, marilah kita sama-sama menghayati intipati daripada khutbah yang dibacakan tadi:	
<ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah menjauhi sifat mazmumah yang boleh mencetuskan sifat marah seperti sompong, tinggi diri, menghina orang lain suka bergurausenda secara melampau dan suka perbalahan.2. Umat Islam hendaklah memiliki sifat marah yang bertepatan dengan anjuran ajaran Islam dan kena pada tempatnya yang betul.3. Umat Islam hendaklah mencontohi ketegasan yang dimiliki oleh Rasulullah SAW seperti yang dinyatakan dalam intipati khutbah tadi.	23
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ جَاهِدِ الْكُفَّارَ وَالْمُنَافِقِينَ وَأَغْلُظْ عَلَيْهِمْ وَمَا وَرَاهُمْ جَهَنَّمُ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ .</p>	24
<p>"Wahai Nabi! berjihadlah (menentang) orang-orang kafir dan orang-orang munafik, serta bertindak keras terhadap mereka. dan (sebenarnya) tempat mereka ialah neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali".</p> <p style="text-align: right;">(al-Tahrim : 9).</p>	25
<p style="text-align: center;">بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	26
<p style="text-align: center;">أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	27



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الْدِيْنِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpul mati. Bersatu dalam apa jua situasi, bersatu teguh menghadapi persekitaran dan ancaman musuh yang terang dan terselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik). Umat Islam berhak untuk berbeza pendapat, apalagi dalam soal urusan dunia, namun umat Islam hendaklah terus bersatu dalam fikrah dan kefahaman mengikut garis rentas kalimah لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh.</p>	4
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Dalam usaha kita memutuskan rantaian Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan sosial. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.</p>	5



<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	6
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْتَ حَفَظَ بِعِينِ عِنَائِيْتَكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحَفْظِ وِقَائِيْتَكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،</p>	7
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سلاَغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.</p>	8
<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاَغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ</p>	9
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَّةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلَّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىِ وَالرَّشَادِ.</p>	10
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covod-19.</p>	11
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرْضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحَنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	12
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ</p>	13



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعْظُلُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ	14
--	----

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	15
--	----